

# Abdullah dilantik pengerusi ULINK Property

UB 7.1.2015 A2

KOTA KINABALU: Pendaftar Universiti Malaysia Sabah (UMS) Datuk Abdullah Hj Mohd Said diumumkan sebagai pengerusi ULINK Property Sdn Bhd baharu berkuatkuasa Isnin (5 Januari) lepas.

Pengumuman itu dikeluarkan melalui surat lantikan yang ditandatangani Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah bertarikh 24 Disember 2014.

Pelantikan itu juga menjadikan beliau sebagai pengerusi kedua bagi ULINK Property menggantikan Datuk KY Mustafa yang tamat tempoh perkhidmatan pada tahun 2014.

Abdullah, 60, memulakan karier di UMS sebagai Penolong Pendaftar Kanan pada tahun 1995 sebelum dilantik menjadi Pendaftar UMS pada tahun 2008.

Atas pengetahuan yang luas dan mendalam, beliau yang bakal bersara wajib pada tahun ini dilihat sebagai calon yang tepat menjawat jawatan itu bagi memperkasa syarikat berkenaan melalui perkongsian pengalamannya.

Sebagai rekod, ULINK Property merupakan anak syarikat UMS yang bertanggungjawab dalam hal berkaitan pengkomersilan ciptaan,



**ABDULLAH**

inovasi dan perkhidmatan yang dibangunkan melalui aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D).